

KEMPEN SENANG ADA iRAKYAT

SOALAN LAZIM

1. Siapakah penganjur kempen ini?

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Rakyat.

2. Bilakah kempen ini berlangsung?

Kempen ini berlangsung mulai **1 Jun 2026 hingga 31 Ogos 2026**.

3. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat termasuk warga kerja Bank Rakyat.

Nota:

Pelanggan (baharu dan sedia ada) merujuk kepada pelanggan yang memiliki lain-lain produk Bank Rakyat selain daripada perbankan internet iRakyat.

4. Apakah syarat-syarat untuk menyertai kempen ini?

- a. Merupakan pengguna berdaftar iRakyat dan aplikasi perbankan mudah alih iRakyat.

Pelanggan baharu dikehendaki mendaftar dan mengaktifkan perbankan mudah alih iRakyat mereka dalam tempoh kempen untuk melakukan transaksi.

Nota:

Pengguna (baharu dan sedia ada) merujuk kepada pelanggan yang telah mendaftar perbankan internet iRakyat.

- b. Transaksi mestilah dilakukan melalui laman sesawang atau aplikasi perbankan mudah alih iRakyat.
- c. Jumlah minimum bagi setiap transaksi adalah RM10.00.

d. Penyertaan adalah seperti berikut:

Kategori	Keterangan
Pengguna baharu	Pelanggan baharu dikehendaki mendaftar, mengaktifkan perbankan mudah alih iRakyat dan melakukan minimum 30 transaksi melalui iRakyat (pembayaran atau pemindahan) dalam tempoh sebulan untuk layak memenangi hadiah utama dan sagu hati bulanan yang ditawarkan.
Pengguna sedia ada	Pengguna iRakyat dikehendaki melakukan minimum 30 transaksi melalui iRakyat (pembayaran atau pemindahan) dalam tempoh sebulan untuk layak memenangi hadiah utama dan sagu hati bulanan yang ditawarkan.

e. Penyertaan adalah secara automatik apabila pengguna telah memenuhi jumlah minimum transaksi seperti yang dinyatakan di atas.

5. **Saya telah memuat turun aplikasi perbankan mudah alih iRakyat namun belum membuat pendaftaran dan pengaktifan. Adakah saya boleh melakukan transaksi untuk menyertai kempen ini?**

Tidak boleh. Pelanggan perlu terlebih dahulu melakukan pendaftaran dan pengaktifan aplikasi perbankan mudah alih iRakyat dan seterusnya melakukan transaksi berdasarkan syarat yang ditetapkan untuk layak menyertai kempen ini.

6. **Apakah hadiah yang ditawarkan melalui kempen ini?**

Hadiah kempen yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Bulan	Kategori	Keterangan	Jumlah
Jun 2026	Pengguna baharu	<u>Utama:</u> Pertama – RM1,500 x 1 Pemenang Kedua – RM1,000 x 1 Pemenang Ketiga – RM500 x 1 Pemenang <u>Sagu hati:</u> RM250 X 20 Pemenang (keempat hingga kedua puluh tiga) Jumlah pemenang: 23	RM15,000
	Pengguna sedia ada	<u>Utama:</u> Pertama – RM1,500 x 1 Pemenang Kedua – RM1,000 x 1 Pemenang Ketiga – RM500 x 1 Pemenang	

		<p><u>Sagu hati:</u> RM200 X 20 Pemenang (keempat hingga kedua puluh tiga)</p> <p>Jumlah pemenang: 23</p>	
Julai 2026	Pengguna baharu	<p><u>Utama:</u> Pertama – RM1,500 x 1 Pemenang Kedua – RM1,000 x 1 Pemenang Ketiga – RM500 x 1 Pemenang</p> <p><u>Sagu hati:</u> RM250 X 20 Pemenang (keempat hingga kedua puluh tiga)</p> <p>Jumlah pemenang: 23</p>	RM15,000
	Pengguna sedia ada	<p><u>Utama:</u> Pertama – RM1,500 x 1 Pemenang Kedua – RM1,000 x 1 Pemenang Ketiga – RM500 x 1 Pemenang</p> <p><u>Sagu hati:</u> RM200 X 20 Pemenang (keempat hingga kedua puluh tiga)</p> <p>Jumlah pemenang: 23</p>	
Ogos 2026	Pengguna baharu	<p><u>Utama:</u> Pertama – RM1,500 x 1 Pemenang Kedua – RM1,000 x 1 Pemenang Ketiga – RM500 x 1 Pemenang</p> <p><u>Sagu hati:</u> RM250 X 20 Pemenang (keempat hingga kedua puluh tiga)</p> <p>Jumlah pemenang: 23</p>	RM15,000
	Pengguna sedia ada	<p><u>Utama:</u> Pertama – RM1,500 x 1 Pemenang Kedua – RM1,000 x 1 Pemenang Ketiga – RM500 x 1 Pemenang</p> <p><u>Sagu hati:</u> RM200 X 20 Pemenang (keempat hingga kedua puluh tiga)</p> <p>Jumlah pemenang: 23</p>	
Jumlah Keseluruhan			RM45,000

7. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan?

- a. Pemilihan pemenang bulanan bagi hadiah utama dan sugu hati untuk kedua-dua kategori (pengguna baharu dan sedia ada) akan dilakukan berdasarkan bilangan transaksi tertinggi dan turut memenuhi syarat yang telah ditetapkan.
- b. Pemenang bulanan (Utama dan Sugu hati) bagi kategori pengguna baharu akan dipilih daripada pendaftaran iRakyat yang dilakukan pada bulan semasa sepanjang tempoh kempen berlangsung.

8. Bilakah dan bagaimanakah pemenang kempen ini akan dimaklumkan?

Pemenang akan dimaklumkan selepas kempen tamat menerusi panggilan telefon daripada Pusat Panggilan Bank Rakyat atau pengumuman melalui laman sesawang Bank Rakyat atau lain-lain medium atau cara yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat.

9. Bagaimanakah dan bilakah hadiah akan diterima oleh pemenang?

Hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) atau Akaun Pelaburan-i Bank Rakyat milik pemenang dalam tempoh **enam puluh (60) hari** selepas pengumuman dan pengesahan pemenang dilakukan dengan cara yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat.

10. Bolehkah hadiah dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga?

Tidak boleh.

11. Bolehkah hadiah dikreditkan ke akaun bank lain milik pemenang?

Tidak boleh.

12. Adakah saya boleh memenangi lebih daripada satu hadiah untuk kempen ini?

Tidak boleh.

13. Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) atau Akaun Pelaburan-i Bank Rakyat individu saya telah ditutup atau tidak aktif selepas senarai nama pemenang diumumkan secara rasmi. Adakah gugur kelayakan saya sebagai pemenang?

Tidak. Kemenangan anda masih sah. Anda perlu:

- a. Membuka Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) atau Akaun Pelaburan-i yang baharu atau;
- b. Mengaktifkan Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) atau Akaun Pelaburan-i sedia ada yang tidak aktif.

Pemenang akan dianggap tidak berminat sekiranya tiada tindakan dilakukan selepas **empat belas (14) hari** dari tarikh penerimaan maklumat daripada pihak Bank Rakyat. Hadiah tersebut akan dilupuskan atau dilucut hak oleh pihak Bank Rakyat atau pemenang lain akan dipilih daripada senarai menunggu atau simpanan (jika ada).

- 14. Adakah pengguna layak untuk menerima hadiah kempen jika berdepan tindakan pembekuan akaun, berstatus mufliis, disenarai hitam atau lain-lain tindakan daripada Bank Rakyat sebelum atau semasa proses pemilihan pemenang dilakukan?**

Tidak layak. Penyertaan pengguna akan terbatal bagi kempen tersebut.

- 15. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?**

- a. Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my.
- b. Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1-300-80-5454.
- c. Laman media sosial Bank Rakyat Rakyat (Facebook, Instagram, X, atau TikTok).

-TAMAT-